

# “Kerja Keras dan Secara Bijak Rahsia Berjaya Dalam Kerjaya dan Keluarga,”

Cantik manis si ibu penuh bergaya. Si comel puteri-puteri kesayangannya juga tidak mahu kalah dengan gaya ibu tercinta.

Alangkah seronoknya tiga beranak ini beraksi di hadapan lensa kamera.

- Amrina Aziz

Oleh: Kharun Nisa Israk Foto: Unit Foto KMKSB



**A**mrina Aziz, anak jati Selangor ini merupakan seorang usahawan online yang mengendalikannya melalui buku kanak-kanak Islamik dan alat permainan yang diimport dari UK, US, Saudi, Australia dan India. Bisnes yang dimulakan sejak dua tahun setengah ini adalah ilham daripada melihat perkembangan anak-anaknya sendiri.

Menurutnya, biarlah memiliki bisnes sendiri namun untuk dia tetap memperuntukkan sepenuh perhatian terhadap bisnes yang dijalankan. Pun begitu, dia tidak menafikan kelonggaran dalam cara melaksanakan kerja serta masa yang fleksibel untuk anak-anak.

"Bagi saya, pengurusan masa dan disiplin adalah dua kriteria yang paling penting bagi wanita berkerjaya lebih-lebih lagi wanita yang mempunyai bisnes sendiri untuk bukan sahaja berjaya dalam kerjaya. Dalam masa yang sama dapat melihat anak-anak membesar cukup kasih sayang dan perhatian. Anak sulung saya, Diana Lisa kini berusia enam tahun dan sudah ke tadika. Jadi, hanya anak bongsu, Hana Safiyah sahaja yang *home-school*."

Aktiviti *homeschool* setakat ini saya amalkan setahun lebih awal sebelum anak mula melangkah ke sekolah. Saya percaya untuk berjaya, kita mesti bekerja keras dan secara bijak (*work hard and smart*). Rutin pada sebelah malam biasanya selepas salat Isyak anak-anak sukan tidur dan mulailah tugas-tugas saya untuk menguruskan pesanan dan pengemasan.

Selain itu, saya akan pastikan saya telah mengemas kini status dan bahan-bahan di dalam Facebook serta Instagram. Tugas-tugas ini berlangsung beberapa jam, biasanya antara jam 12.00 tengah malam hingga 1.00 pagi. Kesokannya adalah giliran pekeria-pekeria saya untuk membuat pengungkusan," ujar lulusan dari Universiti Multi Media Melaka dalam Jurusan Pengurusan Pemasaran peringkat Ijazah Sarjana Muda Kepujian dan Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan dari Universiti Terbuka Malaysia.

### Terima Masa

Tegasnya, biarlah sibuk dengan urusan kerjaya, dia tetap mempunyai masa untuk anak-anak. Kelebihan bekerja sendiri dimanfaatkan sepenuhnya untuk hana belajar, mengajar, bermain sambil melakukan kerja-kerja surl seperti

membasuh mengemas dan sebagainya.

Hujung minggu, sentiasa ada sahaja aktiviti memenuhi waktu luang. Kedua-dua puteri kesayangannya tidak diabaikan kebosanan atau bermain tanpa aktiviti bermanfaat. Lazimnya Dania dan Hana akan menjalankan aktiviti luar seperti kelas seni, renang dan aktiviti-aktiviti lain lagi.

Haal Sebenarnya, inilah waktu untuk saya berehat sedikit. Untuk berjalan jauh-jauh masih belum mampu, jadi sebulan atau dua bulan sekali saya akan bawa anak-anak bercuti-cuti di sekitar Kuala Lumpur sahaja. Jika berkelapangan untuk memiliki waktu tersendiri, saya lebih senang menonton bola. Cuma kebelakangan ini, aktiviti menonton bola terpaksa dikurangkan sedikit kerana masa yang agak terbatas. Namun, untuk perlawanan-perlawanan besar saya akan pastikan saya *set reminder* pada TV agar tidak terlepas peluang menyaksikannya.

"Selain itu, yang lebih menyeronokkan tentulah apabila dapat memanjakan diri di spa sebulan atau dua bulan sekali. Masa ini, saya gunakan sebaiknya untuk meredakan dan mengembalikan kecergasan tubuh badan. Hanya dua jam sahaja sudah cukup," ceritanya panjang lebar.

Sambungannya, dia juga tidak betah berlama-lama tinggalkan anak. Terasa rindu dan seperti ada kekurangan dalam kehidupannya tanpa melihat kelibat dan mendengar suara mereka.

"Sejak kecil saya dah biasakan anak-anak dengan tabiat membaca. Jadi, tidak hairanlah pantang nampak sahaja kedai yang ada jual buku biarpun kecil mereka mahu membeli buku. Oleh itu, saya jaalkan aktiviti mengunjungi kedai buku setiap dua minggu sekali sebagai rutin kami anak beranak."

"Satu lagi yang paling seronok melayan mereka adalah apabila mereka mahu menjalankan eksperimen. Bukan saintis sahaja ya boleh bereksperimen. Anak kecil seperti mereka ini pun sudah pandai mahu melakukan eksperimen. Saya rasa hal ini adalah perkembangan yang amat baik untuk mereka, jadi tentunya saya akan tetap bersama-sama mereka memberi sokongan daripada membeli bahan - bahan dan seterusnya menjalankan aktiviti eksperimen bersama," katanya lagi.

### Siapa Papa? Nilai Murni

Mendidik anak-anak zaman kini merupakan cabaran paling besar buat ibu bapa. Anak-anak yang masih kecil memerlukan perhatian yang tidak berbelah bahagi daripada ibu bapa. Tidak dinafikan ada kalanya terlepas pandang maka anak-anak mula memberontak minta perhatian. Amrina punya cara tersendiri untuk mengalakkan anak-anak bersikap baik dari sehari ke sehari.

"Pada saya, walaupun saya sibuk tak perlu ada reward untuk anak-anak bagi memastikan mereka sentiasa bersikap baik. Seperti yang saya katakan, seorang ibu perlu bijak membahagikan masa dengan baik untuk melaksanakan pelbagai tanggung jawab dalam satu masa. Jadi, saya akan rancang aktiviti anak-anak lebih awal sebelum melakukan kerja. Jadi, bila saya fokus pada kerja saya, anak-anak juga boleh fokus pada aktiviti yang saya beri kepada mereka."

"Di sinilah saya akan buat carta pencapaian mereka. Carta ini bertujuan untuk membina dan menggalakkan mereka untuk sentiasa bersikap baik. Jika hari ini mereka menunjukkan sikap yang baik, ada satu hadiah pelekat untuk ditalipada pada carta mereka. Cukup seminggu, pengiraan pelekat bermula dan yang paling banyak mengumpul pelekat akan dibenarkan menonton Youtube selama 15 minit. Tambahan selama 5 minit daripada 10 minit waktu biasa yang saya berikan mereka setiap hari Ahad," katanya yang cukup prihatin dan sentiasa memantau apa yang mereka tonton di Youtube. k

